



DISEBALIK NAMA »  
ABD. AZIZ ITAR  
aziz.itar@utusan.com.my

MINGGUAN MALAYSIA (CREMONA) 16 SEPT 2016 H/S 10

# Kongsi kepakaran demi anak bangsa

**W**AN Nazri Wan Aria boleh berbangga kerana menjadi salah seorang jurutera dalam projek pembinaan Menara Jam Abraj al-Bait yang kini megah menghadap Masjidil Haram di Mekah.

Beliau juga merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang mendapat kepercayaan membina menara jam tertinggi dan terbesar di dunia itu iaitu pada ketinggian 601 meter.

Namun, anak kelahiran Melaka ini tetap belum berpuas hati dengan sumbangannya itu meskipun Abraj al-Bait mengalahkan banyak struktur

menara jam terkenal di dunia. Jurutera berusia 36 tahun ini misalnya, menyemat impian yang lebih besar biarpun menara jam itu telah pun menyaingi The Big Ben di London, England dan Palace of Culture and Science di Warsaw, Poland.

Menurut bapa kepada tiga anak ini, beliau mahu berkongsi pengalamannya dalam bidang kejuruteraan di



BUKU yang menjadi rujukan Wan Nazri ketika belajar di Jerman.

"Saya banyak bergaul dengan orang Jerman termasuk seorang rakyat Malaysia yang telah 30 tahun menetap di sana. Saya banyak belajar bahasa Jerman daripada mereka," katanya.

Sungguhpun begitu, beliau tidak menafikan turut menerima kesan apabila tinggal agak lama dan begitu menekuni bahasa Jerman demi meningkatkan pengetahuannya dalam bidang itu.

Contohnya, anak-anak beliau yang dilahirkan di Jerman tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu tetapi lebih cenderung berbahasa Jerman disebabkan faktor-faktor persekitaran.

Sungguhpun begitu, ia tidak melunturkan semangat Wan Nazri bagi memastikan anak-anaknya tidak menjadi korban budaya dan bahasa asing demi mengejar cita-citanya itu.

Beliau dan isteri, Munira Mohamad, 36, sentiasa mencari jalan agar anak-anak mereka Wan Adam Heidi, 10, Wan Alya Nazira, 8, dan Wan Anissa Sofia, 2, memahami bahasa Melayu.

"Dua anak kami, Adam dan Alya dilahirkan dan berskolah di Jerman. Mereka sudah biasa cakap Jerman dan terbawa-

Dengan kepakaran yang dimilikinya itu, anak kedua daripada tujuh beradik ini banyak diundang sebagai penceramah dan pensyarah di merata-rata tempat sejak akhir-akhir ini.

Beliau berharap suatu hari nanti lebih ramai jurutera dari negara ini yang akan menunjukkan bakat dan kepakaran mereka dengan membina banyak bangunan yang bertaraf dunia.

"Saya anggap ini juga sebagai salah satu sumbangan saya untuk negara. Kalau boleh saya tidak mahu pandai dan maju sendirian tetapi biarlah ia dikongsi dengan semua orang."



berkerlipan setiap kali azan berkumandang pula boleh dilihat dari jarak sehingga 28 kilometer pada waktu malam.

Jelas Wan Nazri, pengusaannya dalam kod kejuruteraan dalam bahasa Jerman paling banyak membantu meningkatkan kredibiliti serta kepakarannya dalam bidang tersebut.

Ini kerana, selain perlu menguasai kod-kod kejuruteraan dalam bahasa Jerman, beliau juga menghafal kod-kod lain antaranya Kod Euro dan Kod British bagi menguasai bidang itu.

Ujarnya, sewaktu menuntut dan menetap selama hampir 10 tahun di negara kelahiran Adolf Hitler itu telah banyak membantu meningkatkan pengusaannya dalam bahasa Jerman.

"Selain belajar bahasa Jerman selama dua tahun sebelum sambung belajar di Universiti Stuttgart, saya juga pernah setahun bekerja secara sambilan di sebuah restoran di Stuttgart.

"Biarlah juga ia menjadi amal kebaikan saya kerana kita hidup di dunia ini pun bukannya lama sangat. Diharap sumbangan ini akan meluas dan terus berpanjangan," ujarnya.

Bekas mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam ini berharap agar sumbangannya itu juga dapat menpercepatkan lagi perkembangan bidang tersebut di negara ini.

Projek pembinaan Abraj Al-Bait itu secara tidak langsung memberi motivasi kepada dan diharap rakyat negara ini dapat meraih lebih banyak pencapaian pada masa depan.

Ini kerana, menara jam bersaiz lebih tiga kali ganda daripada The Big Ben itu dikatakan boleh dilihat dari jarak sehingga 17 kilometer pada waktu malam dan 12 kilometer pada waktu siang.

Sementara, cahaya lampu LED yang menghiasinya yang

Perunding Utama dalam Fakulti Kejuruteraan Awam di Universiti Malaysia Pahang bagi melahirkan lebih banyak jurutera di negara ini," katanya kepada Mingguan Malaysia.

Dalam pertemuan di pejabat syarikat miliknya di Shah Alam, Selangor baru-baru ini, Wan Nazri berkata, beliau gembira apabila melihat lebih ramai anak bangsanya menjadi jurutera.

Justeru, beliau yang pernah dibesarkan di kawasan setinggan di Segambut, Kuala Lumpur bertekad mahu menyalurkan lebih banyak pengetahuannya dalam bidang itu di negara ini.

Apatah lagi, kepayahannya menguasai kod-kod kejuruteraan dalam bahasa Jerman selama lapan tahun, beliau berharap agar ilmu itu dapat diterjemahkan terus ke dalam bahasa Melayu.

Bekas mahasiswa Universiti Stuttgart, Jerman ini pernah berhempsah pulas mempelajari kod-kod kejuruteraan dalam bahasa Jerman melalui buku bertajuk *Bautabellen fur Ingenieure*.



CAHAYA lampu LED yang menghiasi menara jam ini akan berkerlipan setiap kali azan berkumandang.